

16 AUG 1997

Mahathir-jawatan

JAWATAN PARTI DAN KERAJAAN UNTUK RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua pemimpin Barisan Nasional (BN) bahawa jawatan yang mereka sandang dalam kerajaan dan parti bukanlah untuk dibangga-banggakan dan bukan juga yang boleh digunakan sesuka hati.

Perdana Menteri berkata semua jawatan itu ialah untuk mempermudah urusan bagi menjayakan dasar parti untuk negara.

"Tanggungjawab ini berat tetapi ingatlah bahawa kita yang memilih untuk menjadi wakil rakyat dan oleh itu kita perlu memikul tugas wakil rakyat," katanya ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan nasional ke-26 parti Gerakan di menara PGRM di sini.

Ia turut dihadiri pemimpin parti-parti komponen BN.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata pemimpin dan anggota BN mestilah merendah diri dan sentiasa mendampingi rakyat.

Mereka juga hendaklah sentiasa sedia mendengar rintihan dan masalah rakyat dan cuba membantu menyelesaikannya.

Perdana Menteri berkata rakyat kini lebih bijak dan matang dalam membuat penilaian terhadap sesuatu perkara dan bukan lagi hanya menerima sesuatu perkara atau keadaan begitu sahaja.

"Jika pemimpin-pemimpin BN dilihat tidak berminat dengan masalah rakyat dan hanya mementingkan kedudukan mereka sama ada dalam parti atau kerajaan, BN akan kehilangan sokongan," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, pemimpin dan anggota-anggota BN tidak boleh berpeluk tubuh, bersifat angkuh dan sombong serta terlalu yakin dengan sokongan rakyat.

Katanya sikap terlalu yakin itu boleh menyebabkan mereka lalai, sekaligus BN kehilangan sokongan.

"Oleh itu, para pemimpin BN dan ahli-ahli hendaklah sentiasa bekerja kuat untuk terus mendapatkan sokongan rakyat. Kita juga hendaklah elak daripada bertelagah antara satu sama lain yang boleh melemahkan parti kita," katanya.

Dr Mahathir turut mengulangi kenyataannya bahawa BN tidak mungkin dapat melayani semua tuntutan dan permintaan yang dibuat oleh parti-parti komponennya sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan sesetengah pihak.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, anggota-anggota komponen BN tidak boleh melihat kedudukan mereka dari sudut diri sendiri sahaja tetapi melihat dari semua sudut yang lebih luas.

"Pemberian semua yang dituntut atau diminta oleh semua kaum tidak mungkin dapat dilakukan kerana kerap kali permintaan-permintaan itu bertindih atau bertentangan antara satu kaum dengan kaum yang lain.

"Jika pihak yang berkuasa melayani hanya tuntutan daripada kaumnya sahaja, ia mungkin popular dengan kaumnya tetapi tetap akan dikecam dan ditolak oleh kaum lain. Dan kita tahu dalam pilihan raya kita perlu undi daripada semua kaum untuk mendapat kemenangan," katanya.

Oleh itu, BN hanya boleh melayani separuh daripada tuntutan oleh semua kaum bagi menjadikan semua kaum sama-sama tidak puas hati tetapi pada masa yang sama akan terus menyokong BN kerana mereka tahu tidak ada pilih kasih dalam kerajaan BN.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata tidak ada kaum di negara ini yang boleh menyatakan mereka telah diketepikan kerana jika diteliti secara rasional, semua kaum jelas telah memperoleh faedah daripada pembangunan

ekonomi negara.

Sebagai contoh, beliau berkata, dasar penswastaan telah memberi faedah kepada semua kaum sama ada mereka daripada kalangan usahawan yang mendapat projek, pekerja yang mendapat saham syarikat serta rakyat yang berpeluang membeli saham syarikat yang disenaraikan dan peluang menggunakan kemudahan yang disediakan.

"BN adalah satu-satunya parti yang boleh memenuhi kehendak pelbagai kaum dan boleh diterima oleh sebahagian besar rakyat...oleh itu, kita perlu meyakinkan rakyat bahawa hanya BN yang dapat menjamin masa depan rakyat dan negara yang lebih cerah," katanya.

Terdahulu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengingatkan anggota parti itu bahawa kemenangan dalam pertandingan pelbagai jawatan parti itu tahun depan bukan pra-syarat yang membolehkan mereka dipilih oleh parti untuk menjadi calon BN pada pilihan raya umum yang akan datang.

Andaian bahawa sesiapa yang menang jawatan pengerusi negeri akan secara automatik diberi kerusi yang selamat untuk bertanding pada pilihan raya umum dan selepas menang dilantik pula ke jawatan-jawatan kerajaan negeri atau persekutuan, adalah silap, kata beliau.

"Dalam siri lawatan saya ke negeri-negeri, saya mendapati pemimpin beberapa buah negeri, bahagian dan cawangan terbabit dalam perebutan yang pahit, pedih dan yang lebih teruk, membinasakan.

"Saya tidak akan keberatan sekiranya perebutan ini berasaskan pandangan politik yang berlainan, tetapi bukannya begitu. Sebaliknya, asas mereka berebut jawatan adalah untuk menjadi calon dalam pilihan raya umum yang akan datang agar dapat menjadi exco dalam kerajaan negeri atau jawatan dalam kerajaan persekutuan," kata Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama.

Sambil mengingatkan mereka yang berniat sedemikian bahawa hasrat mereka tidak akan kesampaian, beliau berkata Gerakan akan mengambil tindakan sewajarnya kerana perebutan jawatan telah menyebabkan berlaku perpecahan di dalam parti itu di beberapa negeri sekarang.

Lim meminta anggota parti itu supaya menjadikan kekalahan calon BN daripada Gerakan pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan 17 Mei lepas sebagai pengajaran.

"Mulai saat ini, setiap anggota Gerakan perlu mempertingkatkan usaha politik dan memperkuatkan perpaduan bagi merampas semula kerusi itu dan mempertahankan semua kerusi yang dipegang sekarang pada pilihan raya umum yang akan datang," katanya. -- BERNAMA

AH MAI